

# **PROSIDING SEMINAR KEBANGSAAN SAINS, TEKNOLOGI & SAINS SOSIAL**

**27 ~ 28 MEI 2002**

**HOTEL VISTANA, KUANTAN, PAHANG**

**Anjuran :**



**Universiti Teknologi MARA  
Cawangan Pahang**

**Dengan Kerjasama**



**Kerajaan  
Negeri Pahang Darul Makmur**

**JILID 1**



## KESAN INOVASI KEWANGAN KE ATAS PERMINTAAN WANG DI MALAYSIA: SATU KAJIAN EMPIRIKAL

JASNI M. SHARIFF, THIRUNAUKARASU SUBRAMANIAM & AHMAD MOSFI MAHMOOD  
Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Malaysia Sabah

### ABSTRACT

*Permintaan wang di Malaysia boleh dibahagikan kepada M1, M2 dan M3. M1 meliputi mata wang dalam edaran dan deposit semasa. M2 pula meliputi M1 ditambah deposit tabungan dan deposit tetap di bank perdagangan. M3 meliputi M2 ditambah dengan deposit tabungan serta deposit tetap di institusi kewangan lain. Kajian ini akan melihat impak inovasi kewangan ke atas fungsi permintaan wang M1 di Malaysia. Kajian ini akan menggunakan data sekunder yang diperolehi daripada Laporan Bank Negara Malaysia. Empat model empirikal akan dibentuk untuk melihat kesan inovasi kewangan yang akan menggunakan bilangan kad kredit sebagai proksi. Model pertama dan ketiga adalah tanpa variabel inovasi kewangan manakala model kedua dan keempat akan memasukkan variabel berkenaan. Didapati inovasi kewangan yang diproksi oleh kad kredit mempunyai hubungan yang negatif dengan permintaan ke atas wang bagi jangka pendek dan jangka panjang. Apabila pemegangan kad kredit meningkat, orang ramai akan mengurangkan pemegangan wang dan dengan itu permintaan wang akan jatuh. Ini akan menyebabkan kadar bunga turun dan seterusnya meningkatkan pelaburan dan tingkat pendapatan negara. Ini bermaksud penawaran wang tidak perlu ditingkatkan untuk meningkatkan pendapatan negara bagi sesebuah negara. Tetapi adalah memadai sekiranya wujud inovasi kewangan kerana ini boleh juga membawa kepada peningkatan dalam pendapatan negara dan seterusnya pertumbuhan ekonomi bagi sesebuah negara.*

Katakunci: *Permintaan wang, inovasi kewangan, kad kredit, kadar bunga, pendapatan, kadar inflasi*

### PENGENALAN

Definisi bekalan wang adalah berbeza-beza antara negara. Di Malaysia, terdapat 3 definisi bekalan wang yang digunakan iaitu termasuklah M1, M2 dan M3. M1 terdiri daripada duit syiling, wang kertas dan akaun semasa yang dipegang oleh sektor swasta. M2 terdiri daripada M1 campur aset kewangan sektor swasta iaitu terdiri daripada:

- (i) deposit tabungan sektor swasta di bank perdagangan
- (ii) deposit tetap sektor swasta bagi semua cukup tempoh di bank perdagangan
- (iii) keluaran bersih SDB (Sijil Deposit Bolehniaga) kepada sektor swasta di bank perdagangan.
- (iv) urusan repo yang dilakukan oleh bank perdagangan. (Bank Negara Malaysia, 1994)

M3 terdiri daripada M2 campur aset yang berikut, tidak termasuk deposit di antara institusi-institusi kewangan:

- (i) deposit tabungan sektor swasta dengan syarikat kewangan, bank saudagar, syarikat diskaun dan Bank Islam
- (ii) deposit tetap sektor swasta dengan syarikat kewangan, bank saudagar, syarikat diskaun dan Bank Islam
- (iii) keluaran bersih SDB kepada sektor swasta oleh syarikat kewangan, bank saudagar, syarikat diskaun dan Bank Islam
- (iv) urusan repo yang dilakukan oleh syarikat kewangan, bank saudagar, syarikat diskaun dan Bank Islam (Bank Negara Malaysia, 1994)

Terdapat tiga tujuan bagi permintaan wang iaitu permintaan wang untuk tujuan urusan niaga, tujuan awasan dan tujuan spekulasi. Permintaan wang untuk tujuan urusan niaga dan awasan dipengaruhi oleh tingkat pendapatan manakala permintaan wang untuk tujuan spekulasi dipengaruhi oleh kadar bunga.



## OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah untuk:

1. mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi permintaan wang di Malaysia
2. melihat kesan inovasi kewangan ke atas permintaan wang di Malaysia

## SOROTAN LITERATUR

Kebanyakan kajian tentang permintaan wang mendapati bahawa terdapat empat faktor utama yang mempengaruhi permintaan wang. Faktor-faktor ini ialah kadar bunga, kadar inflasi dan tingkat pendapatan. Kajian yang melihat kesan inovasi kewangan ke atas permintaan wang adalah kurang. Kesan inovasi kewangan dalam kajian ini menggunakan kad kredit sebagai proksi.

### Kadar bunga

Kadar bunga mempunyai hubungan yang negatif dengan permintaan wang. Apabila kadar bunga meningkat, kos peminjaman wang akan meningkat. Dengan itu, permintaan ke atas wang akan jatuh. Bagi M1, Hamzaid (1990) mendapati nilai keanjalan kadar bunga jangka panjang ialah antara  $-0.24$  hingga  $-0.48$  dan variabel ini adalah satu variabel yang penting dalam menentukan permintaan wang di Malaysia. Kebanyakan kajian mendapati bahawa kadar bunga adalah signifikan tidak mengira sama ada kadar bunga jangka pendek atau jangka panjang dan keanjalan ini adalah negatif (Zulkifly & Hamzaid, 1990).

### Kadar inflasi

Kadar inflasi mempunyai hubungan yang positif dengan permintaan wang. Apabila kadar inflasi meningkat, lebih banyak wang diperlukan untuk membeli barang-barang dan perkhidmatan. Oleh itu permintaan ke atas wang akan meningkat. Kajian Aghevli (1979) dalam (Zulkifly & Hamzaid, 1990) mendapati kadar inflasi yang diramalkan adalah signifikan dan mempunyai tanda yang betul bagi negara-negara Asia Tenggara iaitu Sri Lanka, Indonesia, Filipina, Singapura dan Negeri Thai kecuali Malaysia..

### Tingkat pendapatan

Pendapatan mempunyai hubungan yang positif dengan permintaan wang. Apabila pendapatan seseorang meningkat, permintaan wang juga akan meningkat (Mansor, 1987; Zulkifly & Hamzaid, 1990).

### Kad kredit

Kad kredit dalam kajian ini digunakan sebagai proksi untuk menunjukkan inovasi kewangan. Kajian Hamzaid dalam Zulkifly dan Hamzaid(1990) pula menggunakan cawangan bank perdagangan sebagai proksi bagi inovasi kewangan. Beliau mendapati, penggunaan cawangan bank sebagai proksi untuk tingkat kemajuan pasaran wang adalah negatif dan signifikan. Kad kredit merupakan proksi yang lebih baik berbanding dengan cawangan bank perdagangan untuk digunakan sebagai perwakilan untuk inovasi kewangan kerana kad kredit berkaitan rapat dengan pembaikan dalam teknologi komputer dan telekomunikasi (Mishkin, 1995). Di Malaysia, 3.4 juta penduduk memiliki kad kredit (New Straits Times, 16 Februari 2002).

## KAEDAH KAJIAN

### Kaedah Pengumpulan Data

Data dikumpulkan daripada sumber sekunder iaitu daripada Laporan Bank Negara Malaysia dan Wang dan Urusan Bank di Malaysia. Data yang dikumpulkan adalah bagi tempoh masa sepuluh tahun iaitu daripada 1993 sehingga 2001.

## Kaedah Analisis Data

Data dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS dengan membentuk beberapa model bagi permintaan wang. Model pertama menggunakan variabel-variabel seperti kadar inflasi, kadar pendapatan per kapita dan kadar kaedah faedah. Model kedua yang mengkaji kesan inovasi kewangan ke atas permintaan wang di Malaysia dibentuk dengan memasukkan variabel kadar kad kredit ke atas fungsi permintaan wang.

## PENEMUAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini telah membentuk empat model seperti berikut:

Model 1: Melihat kesan pendapatan, kadar bunga jangka pendek dan kadar inflasi ke atas permintaan wang.

Model 2: Melihat kesan pendapatan, kadar bunga jangka pendek, kadar inflasi serta kad kredit ke atas permintaan wang.

Model 3: Melihat kesan pendapatan, kadar bunga jangka panjang dan kadar inflasi ke atas permintaan wang.

Model 4: Melihat kesan pendapatan, kadar bunga jangka panjang, kadar inflasi serta kad kredit ke atas permintaan wang.

### MODEL 1

$$M1 = 24.311 - 2.089 \text{ KNK} - 0.515 \text{ IR3} + 3.220 \text{ INFLASI} \\ (2.237) \quad (-1.959) \quad (-0.284) \quad (3.778)$$

$$\text{Nilai } F = 5.913 \quad R^2 \text{ terselaras} = 0.711$$

Berdasarkan Model 1, kajian mendapati variabel KNK dan IR3 adalah tidak signifikan dan hanya variabel INFLASI didapati signifikan pada paras keertian 2 peratus.

### MODEL 2

$$M1 = 24.675 - 2.014 \text{ KNK} - 0.604 \text{ IR3} + 3.208 \text{ INFLASI} - 0.0331 \text{ KK} \\ (2.237) \quad (-1.959) \quad (-0.284) \quad (3.778) \quad (-0.022)$$

$$\text{Nilai } F = 2.958 \quad R^2 \text{ terselaras} = 0.566$$

Berdasarkan Model 2, kajian mendapati variabel KNK, IR3 dan KK adalah tidak signifikan dan hanya variabel INFLASI didapati signifikan pada paras keertian 2 peratus. Apabila variabel kad kredit (KK) dimasukkan ke dalam fungsi permintaan wang ia menunjukkan hubungan yang negatif. Ini adalah kerana apabila orang ramai memegang kad kredit, permintaan ke atas wang syiling dan wang kertas akan jatuh. Penemuan ini adalah selaras dengan penemuan Hamzaid Yahya yang menggunakan variabel bilangan cawangan bank perdagangan sebagai proksi untuk inovasi kewangan (Zulkifly & Hamzaid, 1990).

### MODEL 3

$$M1 = 25.958 - 2.032 \text{ KNK} - 0.813 \text{ IR12} + 3.212 \text{ INFLASI} \\ (2.243) \quad (-1.931) \quad (-0.414) \quad (3.907)$$

$$\text{Nilai } F = 6.118 \quad R^2 \text{ terselaras} = 0.719$$

Berdasarkan Model 3, kajian mendapati variabel KNK dan IR12 adalah tidak signifikan dan hanya variabel INFLASI didapati signifikan pada paras keertian 2 peratus.

#### MODEL 4

$$M1 = 28.408 - 1.599 \text{ KNK} - 1.349 \text{ IR12} + 3.167 \text{ INFLASI} - 0.193 \text{ KK} \\ (1.329) (-0.513) \quad (-0.317) (3.035) \quad (-0.152)$$

Nilai F = 3.100 R<sup>2</sup> terselaras = 0.583

Berdasarkan Model 4, kajian mendapati variabel KNK, IR3 dan KK adalah tidak signifikan dan hanya variabel INFLASI didapati signifikan pada paras keertian 5 peratus. Sekali lagi apabila variabel kad kredit dimasukkan ke dalam fungsi permintaan wang, ia menunjukkan hubungan yang negatif kerana orang ramai akan kurang memegang wang tunai. Inovasi kewangan meningkatkan kos melepas bagi pemegangan wang dan seterusnya mengurangkan permintaan ke atas wang (Thomas, 1997).

#### KESIMPULAN DAN IMPLIKASI DASAR

Kajian ini mendapati, inovasi kewangan mempunyai kesan yang negatif ke atas permintaan wang di Malaysia. Apabila pemegangan kad kredit meningkat, orang ramai akan mengurangkan pemegangan wang dan dengan itu permintaan wang akan jatuh. Ini akan menyebabkan kadar bunga turun dan seterusnya meningkatkan pelaburan dan tingkat pendapatan negara. Ini bermaksud penawaran wang tidak perlu ditingkatkan untuk meningkatkan pendapatan negara bagi sesebuah negara. Tetapi adalah memadai sekiranya wujud inovasi kewangan kerana ini boleh juga membawa kepada peningkatan dalam pendapatan negara dan seterusnya pertumbuhan ekonomi bagi sesebuah negara.

#### RUJUKAN

1. Bank Negara Malaysia. 1996. Wang dan Urusan Bank di Malaysia. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia
2. Muzafar Shah Habibullah. 1991. Penawaran Wang dan Kegiatan Ekonomi. Kuala Lumpur: DBP
3. Mansor, Jusoh. Jun 1987. Inflationary Expectations and the Demand for Money in Moderate Inflation: Malaysian Evidence. Jurnal Ekonomi Malaysia.
4. Thomas, L.B. 1997. Money, Banking and Financial Markets. Boston: Irwin-McGraw Hill
5. Zulkifly Osman dan Hamzaid Yahya. 1990. Permintaan Wang. Kuala Lumpur: DBP
6. New Straits Times bertarikh 16 Februari 2002.